

6 sekolah ditutup kerana banjir

Sesi pembelajaran terpaksa ditunda, cuti diberikan sehingga air surut

Oleh Khairul Anuar Abdul Samad
dan Mohd Fakri Awang Lah
bhnews@bharian.com.my

KOTA BHARU: Walaupun sesi persekolahan bermula semalam, enam sekolah membabitkan empat di Rantau Panjang dan dua di Tumpat terpaksa ditutup, ekoran kawasan sekolah terbabit masih digenangi banjir.

Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) Kelantan, Hussain Awang, berkata berdasarkan maklumat awal diterima, enam sekolah terbabit ialah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Rantau Panjang, Sekolah Kebangsaan (SK) Rantau Panjang, SK Seri Rantau Panjang I dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Khay Boon, selain SK Simpangan dan SK Bendang Pak Yong di Tumpat.

“Kita terpaksa menunda sesi pembelajaran di sekolah terbabit disebabkan masalah banjir walaupun hari ini (semalam) adalah hari pertama persekolahan di Kelantan tetapi cuti diberikan kepada pelajar berkenaan sehingga air surut.

“Bagaimanapun, sekolah yang ditutup akibat banjir itu akan mengganti hari persekolahan pada hujung minggu (Sabtu) bagi mengelak mereka tercicir daripada subjek yang sepatutnya diikuti pada hari sekolah ditutup itu,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Hussin berkata, walaupun SK Gual Tinggi dijadikan pusat pemindahan banjir, tetapi murid sekolah terbabit akan meneruskan sesi persekolahan seperti biasa



FATHIL ASRI / BERITA HARIAN

NORALISMA Mohd Huraimi, 11 (kanan) bersama adiknya Zetty Athirah, 9, membasuh pakaian dan kasut sekolah yang akan dibuka esok walaupun rumahnya dinaiki air di Kampung Tersan Rantau Panjang, semalam.

kerana hanya surau sekolah saja terbabit digunakan untuk menempatkan mangsa.

“Sehingga kini, 32 mangsa daripada 11 keluarga ditempatkan di sekolah berkenaan dan kami menjangka sesi pembelajaran masih dapat diteruskan seperti biasa kerana hanya surau saja digunakan sebagai pusat pemindahan mangsa banjir,” katanya.

Sementara itu, keadaan banjir di negeri ini semakin pulih semalam, apabila satu daripada tiga pusat pemindahan mangsa banjir di Rantau Panjang, ditutup pada jam 5 petang semalam.

Pusat pemindahan di SJKC

Khay Boon yang menempatkan 35 mangsa daripada tujuh keluarga ditutup, apabila air di kampung terbabit surut dan penduduk disahkan selamat untuk pulang ke kediaman masing-masing.

Jurucakap bilik operasi banjir jajahan berkata, sehingga jam 5 petang, terdapat 371 mangsa membabitkan 113 keluarga masih ditempatkan di pusat pemindahan banjir di Stesen Keretapi Rantau Panjang dan seramai 32 orang daripada 10 keluarga berada di pusat pemindahan banjir di Sekolah Kebangsaan (SK) Gual Tinggi.

“Kami menjangka lebih



ASWADI ALIAS / BERITA HARIAN

KANAK-KANAK bermain air di Kampung Cacar, Paka, semalam.

ramai keluarga mangsa banjir akan kembali ke kediaman masing-masing hari ini (semalam), memandangkan keadaan cuaca sudah sema-

kin baik dengan hujan hanya sekejap-sekejap,” katanya.

Paras air di Sungai Golok di Rantau Panjang juga mencatat penurunan.